



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 8 OGOS 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PENTERNAK BUNTU LEMBU HILANG, ADA KENA RACUN, NASIONAL, BH -21 PENTERNAK RUGI HAMPIR RM70,000, LOKAL, HM -22	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3. 4.	SUNGAI TEMBELING CETEK PENTERNAK IKAN SANGKAR TERJEJAS PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -16 AIR SUNGAI TEMBELING MULA CETEK, KELIHATAN BETING PASIR, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	NICTAR PINEAPPLE PARK PAMER KEUNIKAN PEKAN NANAS, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6.	ANGGUR DEPAN RUMAH DAH 2 KALI BERBUAH, LOKAL, HM -8	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Penternak buntu lembu hilang, ada kena racun

**Gua Musang:** Sepuluh penternak di Lembaga Kemajuan Keltan Selatan (KESEDAR) Jeram Tekoh, dekat sini kerugian hampir RM70,000 apabila 25 lembu masing-masing hilang sejak empat hari lalu.

Penternak terbabit, Raja Mohd Paris Raja Ismail, 34, berkata selain hilang beberapa lembu termasuk miliknya juga ditemui mati dipercayai akibat diracun.

Katanya, semua lembu terbabit sememangnya dilepaskan bebas dalam kawasan ladang pe-

neroka KESEDAR Jeram Tekoh dan ia insiden pertama membabitkan kehilangan ternakan itu sejak terbabit aktiviti penternakan 13 tahun lalu.

Mengulas lanjut, katanya pada Jumaat lalu dia menemui seekor lembu miliknya mati dalam ladang sawit di kawasan itu dipercayai diracun.

"Selain ternakan saya, terdapat dua lagi lembu milik penternak lain ditemui mati di kawasan ladang dipercayai diracun.

"Susulan itu, saya bersama

seorang lagi penternak membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang pada hari yang sama," katanya.

## Dapat kebenaran KESEDAR

Raja Mohd Paris berkata, tiga lembu yang mati itu dianggarkan kira-kira RM5,000 setiap seekor; manakala kerugian akibat kehilangan 25 lembu yang lain dianggarkan RM70,000.

Mengenai lembu yang dilepaskan bebas di kawasan ladang peneroka, katanya, dia dan penternak lain sudah mendapat ke-

benaran pihak KESEDAR untuk itu dan sebelum ini tidak pernah timbul sebarang isu berkaitan," katanya.

Penternak lain, Zahari Jusoh, 60, pula kecewa dengan kejadian itu sehingga menyebabkan lembunya mati akibat perbuatan khianat terhadap haiwan.

"Saya sedih melihat lembu yang mati akibat diracun walaupun ia hanyalah haiwan, tetapi mereka juga makhluk yang bernyawa.


"Kami ada melakukan usaha mencari lembu yang hilang, na-

mun sehingga kini masih tiada petunjuk. Saya harap lembu yang hilang tidak menerima nasib yang sama," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendentan Sik Choon Foo mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian lembu yang mati.

Katanya, pihaknya merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana khianat ke atas binatang.

LEMBU yang ditemui mati di kawasan ladang.



LEMBU HILANG, DIRAGU

# Penternak rugi hampir RM70,000

Oleh Paya Linda Yahya  
am@hmetro.com.my

## Gua Musang

Semai 10, penternak lembu di Lembaga, Kelantan Kelantan, Selatank (Kesedar) Jeram Tekoh, dekat sini, mengalami kerugian hampir RM70,000 apabila ternakan mereka dipercayai hilang sejak empat hari lalu.

Penternak mendakwa kerugian itu terpaksa ditanggung mereka apabila 25 ekor lembu hilang tanpa dapat dikesani.

Raja Mohd Paris Raja Ismail, 34, berkata, pada Jumaat lalu dia menemukan seekor lembunya mati di

ladang sawit di kawasan itu dipercayai diracun.

Menurutnya, lembu sembilan penternak lain juga dipercayai hilang sejak empat hari lalu dan sehingga kini belum ditemui.

"Selain ternakan saya, terdapat dua lagi lembu milik penternak lain ditemui mati di kawasan ladang dipercayai diracun.

"Susulan itu, saya bersama seorang lagi penternak membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang pada hari yang sama.

"Akibat tiga ekor lembu yang mati ini, kami kerugian sehingga RM15,000. Bagi 25 ekor lembu yang hilang dianggarkan kerugian RM70,000," katanya.

Menurutnya, lembu milik mereka dilepaskan dalam ladang penkerja Kesedar di Jeram Tekoh dan ia adalah kejadian pertama yang berlaku sejak 13 tahun dia menternak lembu di kawasan itu.

"Kami sudah mendapat kebenaran dari pihak Kesedaran untuk melengkapkan lembu dan dalam ladang terbahit dan sebelum ini tidak pernah ada isu," katanya.

Menurut Zahari Jusoh, dia kecewa dengan kejadian itu sehingga meny-

babkan lembunya mati akibat perbuatan khianat terhadap hadap haiwan.

"Saya berasa sedih melihat lembu yang mati akibat diracun walaupun ia hanyalah haiwan tetapi mereka juga makhluk yang bernyawa.

"Kami ada melakukan usaha mencari lembu yang hilang, namun sehingga kini masih tiada petunjuk. Saya harap lembu yang hilang tidak menerima nasib yang sama," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gua Musang Superintendan Sik Choon Foo mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian itu.

Menurutnya, pihaknya merujuk kes itu kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksian kerana khianat ke atas binatang.

**“Bagi 25 ekor lembu yang hilang dianggarkan kerugian RM70,000 Raja Mohd Paris”**

## Sungai Tembeling cetek penternak ikan sangkar terjejas pendapatan

**JERANTUT** – Keadaan Sungai Tembeling yang semakin cetek bukan sahaja menjejaskan penternak ikan sangkar malah turut menjejaskan aktiviti harian penduduk kampung di pesisir sungai berkenaan di Ulu Tembeling di sini.

Rutin harian penduduk beberapa kampung seperti Kampung Bantal, Kampung Bantal Seberang, Kampung Mat Daling dan Kampung Gusai kini yang banyak bergantung kepada bot penambang serta aktiviti nelayan darat terjejas kerana pergerakan bot agak terbatas.

Penduduk Kampung Bantal, Jamizan Rashid, 45, berkata, fenomena kemarau mula melanda di kawasan Ulu Tembeling yang menyaksikan air Sungai Tembeling beransur surut dan sebahagian kawasan mulai cetek sejak awal minggu lalu.

"Keadaan air cetek menyebabkan timbul pasir di kebanyakan tempat di sungai ini dan membentuk beting sepanjang antara tiga hingga empat meter di tepi dan tengah sungai.

"Keadaan ini menjejaskan

pergerakan bot penambang yang membawa penumpang dan hasil kampung serta menyukarkan nelayan sungai mencari rezeki," katanya di sini semalam.

Ujar Jamizan, kelazimannya mulai bulan Jun hingga September setiap-tahun paras air Sungai Tembeling mula cetek kerana tiada hujan di kawasan hulu sungai yang berkemungkinan disebabkan faktor fenomena La Nino.

Dalam pada itu pemandu bot penambang, Zulkefli Jamaludin, 58, berkata, sekiranya kemarau berterusan, keadaan Sungai Tembeling akan menampilkan keseluruhan pasir bermula di tengah sungai hingga ke tebing.

Katanya, keadaan ini sudah tentu menjejaskan penternakan ikan sangkar di kawasan hilir sungai dan menyebabkan banyak bot akan terkandas.

Bagaimanapun katanya, keadaan ini turut bertukar menjadi pesta apabila remaja dan kanak-kanak biasanya akan bermain bola sepak di kawasan berpasir pada setiap petang.



**KEADAAN** Sungai Tembeling yang semakin cetek sehingga menampakkan beting pasir di Kampung Bantal di Jerantut.

8/8/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32



AIR Sungai Tembeling di kawasan hulu sungai semakin cetek dan muncul beting pasir berdekatan Kampung Bantal, Hulu Tembeling di Jerantut, Pahang. -- UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

## Air Sungai Tembeling mula cetek, kelihatan beting pasir

\* Oleh HARIS FADILAH AHMAD  
utusannews@melanulaka.com.my

**JERANTUT:** Fenomena kemarau mula melanda di kawasan Ulu Tembeling daerah ini apabila menyaksikan air Sungai Tembeling beransur surut dan sebahagian kawasan mulai cetek sejak awal minggu lalu.

Keadaan ini boleh dilihat di Kampung Bantal kira-kira 130 kilometer dengan bandar Jerantut apabila kawasan sungai di situ mula menampakkan pasir begitu juga di Kampung Gusi berdekatan Sungai Sepia.

Berolak kepada Utusan Malaysia, penduduk Kampung Bantal, Jamizan Rashid, 45, berkata, kelazimannya bermula Jun hingga September setiap tahun, paras air Sungai Tembeling mula cetek kerana tiada hujan di

kawasan hulu sungai kemungkinan fenomena El Nino.

"Keadaan air cetek menyebabkan timbul pasir di kebanyakan tempat di sungai ini dan membentuk beting sepanjang antara tiga hingga empat meter di tepi dan tengah sungai ini sekali gus menjejaskan pergerakan bot penambang mem-

bawa penumpang dan hasil kampung serta bot gentian kaca yang digunakan oleh nelayan sungai mencari rezeki.

"Cuaca panas juga menyebabkan air Sungai Tembeling semakin cetek dan mengganggu pen-

diduk antara tiga kampung iaitu Kampung Bantal, Kampung Mat Daling menyebarkan sungai ini ke tempat kerja dan urusan lain," katanya di Kampung Bantal, Ulu Tembeling, di sini semalam.

Pemandu bot penambang, Zulkefli Jamaludin, 58, berkata, sekiranya berterusan kemarau, keadaan Sungai Tembeling akan menampakkan keseluruhan pasir bermula di tengah sungai hingga ke tebing.

"Fenomena ini mungkin menjejaskan kawasan temakan ikan, sangkar di kawasan hilir sungai dan bagi pemandu bot penambang pula perlu berwaspada melalui lorong di sungai dibimbangi kenderaan air ini akan terkandas," katanya.

Nelayan sungai Kampung Pagi, Ahmad Irmal, 68, berkata, sehingga kini, kebanyakan penangkap ikan berlesen sudah berdepan kekurangan hasil tangkapan kerana air cetek.

"Ikan liar mula tertumpu di habitat seperti lubang dan bawah batu kerana tidak dapat

bergerak akibat sungai cetek, manakala ikan patin, ikan lahar, ikan jengkuar dan ikan liar lain mencari makanan di kawasan hilir sungai jauh dari sini," katanya.

Pengusaha eko-pelancongan Kampung Kuala Sat, Alias Hashim, 48, berkata, keadaan air cetek dan kawasan pinggir pasir tidak menjejaskan penerjunan ke situ.

"Dataran di tepi Sungai Tembeling dan anak Sungai Sat yang berpasir memudahkan pengunjung berkelah dan aktiviti riadah seperti berkhemah dan bermain bola tampar," katanya.

Ujarnya, musim kemarau dan panas memberikan kelebihan penerjunan ke kampung tersebut walaupun air sungai cetek tetapi tidak mengganggu aktiviti rekreasi dan riadah.

# Nictar Pineapple Park pameran keunikan Pekan Nanas

Oleh **MUMHAMMAD ZIKRI**  
utusannews@mediamulla.com.my

**PONTIAN:** Bagi memastikan Pekan Nanas terus dikenang sebagai kawasan pengeluaran utama buah nanas seperti mana pada tahun 1960-an, seorang usahawan membangunkan Nictar Pineapple Park bagi meneruskan kesinambungan itu.

Pengurus Nictar Pineapple Park, Lim Yong Wah, 54, berkata, ramai pengunjung dan pelancong yang singgah ke Pekan Nanas bertanya di mana mereka boleh melihat aktiviti penanaman nanas seperti dahulu.

Bagi tujuan itu, pihaknya menyewa tanah seluas 2.83 hektar pada tahun 2020 bagi mewujudkan semula kawasan sebuah laman nanas yang memaparkan pelbagai aktiviti berkaitan tanaman tersebut.

Katanya, ini termasuk penanaman 12 jenis varieti nanas, demonstrasi penanaman pokok nanas, pameran mengenai buah nanas, jualan produk seperti jus nanas, jem, paceri nanas, nanas kering dan kuih tart nanas.

"Sebelum ini, Nictar Pineapple Park beroperasi di Pekan Parit Sikom, namun, kami memilih



**LIM Yong Wah (bertopi)** memberikan penerangan kepada kanak-kanak mengenai tanaman nanas ketika lawatan ke Nictar Pineapple Park di Batu 24, Pekan Nanas, di Pontian, baru-baru ini.

kawasan ini memandangkan berhampiran dengan Johor Bahru dan Singapura.

"Setakat ini, seramai 800 hingga 1,000 pelawat mengun-

jungi laman nanas ini yang dibuka setiap hari dengan kadar bayaran masuk sebanyak RM8 seorang," katanya ketika dite-

mui di Batu 24 Pekan Nanas,

disini. Wah menambah, pihaknya membelanjakan kira-kira RM300,000 ribu bagi membangunkan laman tersebut.



NORDIANA melihat buah anggur matang dan boleh dipetik di rumahnya di Taman Belimbing, Alor Setar. - Gambar NSTP/ZULLIATY ZULKIFFLI

## Anggur depan rumah dah 2 kali berbuah

**Alor Setar:** Bermula dengan hanya sekadar anggur, kini tanaman anggur yang diusahakan se-

rang surirumah di halaman rumahnya di Taman Belimbing, Jalan Tanjung Bendahara di sini membuah-

kan hasil yang banyak. Nordiana Yaacob, 52, berkata, kini tanaman anggur jenis *green leaf* yang berasal

dari Vietnam itu sudah dua kali mengeluarkan buah sejak pokok anggur itu ditanam tiga tahun lalu.

Katanya, pada mulanya dia membeli benih pokok anggur itu dan mencuba nasib untuk menanamnya di halaman rumah kerana bimbang perubahan cuaca akan membantutkan pokok.

"Namun, tak sangka pokok anggur ini tumbuh menjalar di keliling bukit rumah dan mula mengeluarkan buah musim pertama dua tahun lalu. "Ini hasil keluaran kali kedua, tetapi lebih banyak dari hasil pertama.

"Rasa buah ini masam dan manis sama seperti yang dijual di pasaran dan tak rugi rasanya saya memanfaatkan tanaman anggur ini di rumah," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Nordiana berkata, penajaan pokok anggur ini sangat mudah dan tidak serumit tanaman lain yang perlu dipantau sepanjang masa.

Katanya, adakalanya dia

terlupa menjirus air pada pokok namun tanaman tidak rosak malah masih mampu mengeluarkan buah yang banyak.

"Cuma saya perlu buang ranting, dahan serta daun yang rosak untuk memudahkan tumbuhan anggur itu menjalar," katanya.

Nordiana berkata, dalam tempoh 100 hari, buah anggur sudah boleh dipetik dan dimakan.

Katanya, bukan saja anggur malah dia turut menanam pokok mempelam harumanis serta cокkanan dan pokok durian musangking di hadapan rumahnya.

"Banyak lagi tanaman lain seperti pokok belimbing buluh, limau nipis turut ditanam di halaman rumah.

"Nak tanam tanaman apapun boleh tapi perlu ada semangat kerajinan dan usaha sebelum memperoleh sebarang hasil," katanya.